

31

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**KAWASAN** : **SUNGAI SIPUT**  
**TARIKH** : **7 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **20**

**SOALAN**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengendalikan 'Race to the bottom' yang disebabkan oleh persaingan negara-negara ASEAN untuk pelaburan langsung asing (FDI).

Tuan Yang di-Pertua,

ASEAN merupakan sebuah blok perdagangan serantau yang memberi banyak kelebihan kepada negara-negara anggota dari segi faktor perdagangan dan pelaburan. Melalui objektif Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dalam mencapai integrasi ekonomi serantau, negara-negara anggota ASEAN menjalinkan kerjasama bagi memastikan pembangunan ekonomi serantau yang mampan. Ini jelas terbukti dengan peningkatan pelaburan Intra-ASEAN sebanyak USD23.9 juta pada tahun 2016 berbanding USD21 juta pada tahun sebelumnya.

Jumlah aliran masuk FDI dari negara-negara ASEAN ke Malaysia berjumlah RM7.9 bilion pada tahun 2016. Antara syarikat-syarikat utama

ASEAN yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka termasuk PTT Global Chemical, Charoen Pokphand Group, TCC Group, Thai Bev, Tipco Asphalt, Wilmar, Musim Mas, Mulia Group and San Miguel. Negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina juga telah mula melabur dan melihat Malaysia sebagai pasaran yang penting bagi pelaburan mereka.

Pelaburan syarikat-syarikat Malaysia ke negara-negara ASEAN pula telah mencatatkan jumlah sebanyak RM4.6 bilion bagi tahun 2016. Syarikat-syarikat Malaysia ini merupakan antara pelabur utama di negara-negara ASEAN dalam bidang perbankan, perladangan, perhotelan dan pelancongan, industri penerbangan dan sektor perkilangan.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat persaingan di kalangan negara-negara anggota ASEAN termasuk Malaysia dalam menjadi destinasi pelaburan terunggul di rantau ini untuk meraih pelaburan langsung asing (FDI). Sehubungan ini, di antara inisiatif-inisiatif yang telah dan terus dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengendalikan, dengan izin, 'Race to the bottom' bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik adalah dengan:

- a) mengamalkan "pendekatan berfokus" atau dengan izin, "*targeted approach*" dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;
- b) menggunakan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan berkualiti dalam industri yang disasarkan. Pendekatan ini merangkumi elemen seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi

tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kemahiran, serta melengkapkan jurang di dalam ekosistem yang sedia ada selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020;

- c) memperkenalkan, dengan izin, '*Cost Benefit Analysis (CBA)*' sebagai salah satu kriteria penilaian bagi kelulusan insentif cukai. Ia mengambil kira kos dan manfaat sesuatu projek, iaitu kos kuantitatif dan kualitatif. CBA akan memberi penilaian yang lebih komprehensif dan realistik mengenai manfaat sesuatu projek kepada ekonomi negara;
- d) penganjuran misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baharu, terutamanya misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara ASEAN yang dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada melalui AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN.

Pada tahun 2017 sahaja, Malaysia telah melaksanakan 8 Misi Penggalakkan Perdagangan dan Pelaburan terutamanya ke Indonesia, Thailand, Singapura dan Viet Nam bagi mempromosi perdagangan dan pelaburan negara dan intra-ASEAN. Kerajaan juga sentiasa berusaha memastikan agar rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai manfaat AEC

melalui pelbagai program kesedaran (outreach) bagi memberi penerangan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di bawah AEC;

- e) penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam dan luar negara;
- f) memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara kesemua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan penarikan pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri MITI;
- g) pembangunan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri samada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau dengan izin, 'suppliers' conferences' dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga diharap dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam, dengan izin, *business matching* untuk memulakan projek usahasama atau dengan izin, 'joint-venture projects' atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak; dan
- h) menganjurkan program, dengan izin, "media engagement", dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menwar-warkan kepada pelabur-pelabur berpotensi dengan maklumat-maklumat pelaburan di Malaysia yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun Malaysia bersaing secara sengit dengan negara-negara lain di rantau ASEAN dalam meraih FDI, dalam usaha untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Kerajaan sentiasa berwaspada dalam menerima pelaburan supaya sentiasa memanfaatkan ekonomi negara secara amnya dan rakyat secara khususnya. Kerajaan tidak lagi menyasarkan pelaburan berkaitan pengekstrakan sumber ataupun yang melibatkan buruh murah di mana ianya tidak lagi selaras dengan anjakan yang diperlukan dalam ekonomi negara.

Tumpuan khusus juga diberikan kepada pembangunan, dengan izin, '*megatrends*' untuk menyasarkan penghasilan produk berteknologi tinggi dan aplikasi produk baharu. Kerajaan Malaysia tidak akan hanya berbangga dengan bilangan projek yang telah diluluskan tetapi akan terus berusaha untuk menarik pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi yang dapat menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat di samping meningkatkan produktiviti negara.